

D638

U B402 DEB
MAHATHIR - KUASA

JOHOR BAHRU, 3 FEB (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMINTA RAKYAT MENGGUNAKAN KUASA MEMILIH MEREKA SECARA BIJAKSANA DAN JANGAN MEMBENARKAN DIRI DIPERALATKAN OLEH GOLONGAN YANG INGIN MEMANCING UNDI SEMATA-MATA.

PERDANA MENTERI JUGA MENGINGATKAN MEREKA SUPAYA BERSIKAP ADIL DAN MENGGUNAKAN KUASA MEREKA DENGAN WARAS UNTUK MEMILIH KERAJAAN DAN WAKIL RAKYAT.

RAKYAT JANGAN SEKALI-KALI MENYALAHGUNAKAN KUASA ITU UNTUK MELEPASKAN GERAM ATAU SAKIT HATI PADA KERAJAAN SETELAH HATI MEREKA +DIBAKAR+ OLEH ORANG LAIN KONONNYA KERAJAAN TIDAK DAPAT MENUNAIKAN PERMINTAAN MEREKA, KATANYA KETIKA BERUCAP MERASMIKAN BANGUNAN 16 TINGKAT RUMAH PANGSA BUKIT CHAGAR DI SINI.

KERAJAAN MUNGKIN LAMBAT MELAYAN RAYUAN DAN MASALAH YANG DIHADAPI KERANA TERPAKSA BERTANGGUNGJAWAB KEPADA SELURUH NEGARA +TETAPI ITU ADALAH LEBIH BAIK DARIPADA LANGSUNG TIDAK DAPAT LAYANAN DARIPADA PIHAK BERKUASA,+ TAMBAH DATUK SERI DR MAHATHIR.

BELIAU JUGA MEMINTA RAKYAT MEMIKIRKAN APAKAH TUJUAN SEBENAR PILIHAN RAYA KERANA +TIADA GUNA MEMILIH SEORANG WAKIL RAKYAT YANG HANYA PANDAI BERCAKAP TETAPI TIDAK DAPAT MEMBAWA APA-APA (FAEDAH) KEPADA PARA PENGUNDINYA. -- LAGI

2115MST 03 03 88

U B403 DEB
MAHATHIR - KUASA 2 JOHOR BAHRU

KATA PERDANA MENTERI, ALANGKAH BAIKNYA CALON PARTI BARISAN NASIONAL, DATUK HAJI MOHAMED YUNOS SULAIMAN, DIPILIH KERANA BELIAU MERUPAKAN CALON PARTI KERAJAAN YANG BOLEH BERKHIDMAT DAN MENYAMPAIKAN MAKLUMAT KEPADA KERAJAAN NEGERI DAN PERSEKUTUAN.

BELIAU MAHUKAN RAKYAT JANGAN MENSIA-SIAKAN NIKMAT YANG DIBAWA OLEH KERAJAAN YANG TELAH DIPILIH SELAMA INI, SEBALIKNYA HARUS BERSYUKUR DAN INSAF ATAS SEGALA KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN SAMBIL MENAMBAH KATA: +INSYA ALLAH LEBIH BANYAK KEMUDAHAN AKAN DISEDIAKAN PADA MASA DEPAN.+

BELIAU MENGINGATKAN RAKYAT NEGARA INI SUPAYA BERSEDIA MENGHADAPI CABARAN DAN MASALAH KERANA TIDAK ADA SESIAPAPUN DALAM DUNIA INI YANG TIDAK SUNYI DARIPADA MASALAH.

+KITA PERLU SABAR DAN JANGAN MARAH KEPADA ORANG LAIN OLEH KERANA ADA MASALAH YANG KITA DIHADAPI. KITA SENDIRI BOLEH MENGATASINYA ATAUPUN BERUSAHA MENGELAKKAN MASALAH ITU DENGAN MENJAGA AGAR MASALAH ITU TIDAK WUJUD,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGULANGI JAMINAN BAHAWA PUCUK PIMPINAN NEGARA YANG ADA SEKARANG PATUH KEPADA UNDANG-UNDANG. -- LAGI
2117MST 03 03 88

U B404 DEB
MAHATHIR - KUASA 3 JOHOR BAHRU

+KALAU MAHKAMAH KATA TIDAK SAH, KITA SAHKAH MENGIKUT SALURAN
UNDANG-UNDANG,+ TEGASNYA.

BELIAU JUGA MEMBERI JAMINAN SELAGI ADA KERAJAAN BN SEMUA RAKYAT
AKAN MENERIMA KEBAHAGIAAN DAN PERTIMBANGAN ADIL DAN WAJAR, SAMBIL
MENOLAK DAKWAAN KONONNYA NEGARA INI ADA TEKANAN DAN TIDAK ADA
DEMOKRASI.

PERDANA MENTERI, YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI, BERKATA DAKWAAN
ITU TIDAK BERASAS KERANA BILANGAN ORANG ASING YANG MEMOHON UNTUK
TINGGAL DI SINI +BUKAN MAIN RAMAI+ DAN MENJELASKAN BAHAWA TIDAK
MUNGKIN DAN MUSTAHIL MEREKA HENDAK DATANG KE NEGARA INI SEKIRANYA
DAKWAAN ITU BENAR.

BAGAIMANAPUN, KERAJAAN TERPAKSA MENIMBANGKAN PERMOHONAN ITU
BERDASARKAN KEPENTINGAN RAKYAT NEGARA INI.

MENGENAI CALON BN BAGI PILIHAN RAYA KECIL KAWASAN DEWAN UNDANGAN
NEGERI TANJUNG PUTERI, PERDANA MENTERI YAKIN DATUK MOHAMED YUNOS
BOLEH BERKHIDMAT BAGI PENDUDUK KAWASAN ITU SECARA BERKESAN
LEBIH-LEBIH LAGI KERANA BELIAU MERUPAKAN CALON KERAJAAN MEMERINTAH.

-- LAGI
2121MST 03 03 88

MAHATHIR - KUASA 4 JOHOR BAHRU

+SEBARANG MASALAH YANG DIHADAPI DAPAT DIRUNDINGKAN BERSAMA
DENGAN KERAJAAN NEGERI DAN PUSAT KERANA BERADA DALAM SATU PARTI,+
KATANYA.

BELIAU MENYIFATKAN DATUK MOHAMED YUNOS SEBAGAI ORANG YANG LAMA
DAN PERNAH MENJADI WAKIL RAKYAT YANG DISEGANI DI GELANG PATAH DAN
JUGA DI TANJUNG PUTERI SEBELUM INI.

MENGENAI PERUMAHAN, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN SEDAR SEMUA
RAKYAT, TERUTAMANYA GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH INGIN MEMILIKI
RUMAH SENDIRI ATAUPUN SEKURANG-KURADANA MENTERI JUGA MENERIMA
MEMORANDUM BERHUBUNG PELBAGAI MASALAH PENGHUNI RUMAH PANGSA ITU
DARIPADA BEKAS KETUA UMNO CAWANGAN RUMAH PANGSA BUKIT CHAGAR, ENCIK
JAFFAR HUSSIN. -- LAGI

2125MST 03 03 88

0645

U B407 DEB
MAHATHIR - KUASA 5 JOHOR BAHRU

DATUK SERI DR MAHATHIR KEMUDIAN MELAWAT RUMAH-RUMAH DI FLET
TERSEBUT DENGAN DIIRINGI OLEH MENTERI BESAR, HAJI MUHYIDDIN YASSIN,
DAN PARA PEGAWAI TERTINGGI KERAJAAN NEGERI.

SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI DISAMBUT DALAM KEADAAN HUJAN LEBAT,
DAN DIARAK DENGAN IRINGAN PALUAN KOMPANG, BUNGA MANGGAR, TARIAN
SINGA DAN TIUPAN SERUNAI TRADISI INDIA.

.. YANG TURUT HADIR IALAH ISTERINYA, DATUK SERI DATIN PADUKA DR
SITI HASMAH MOHAMAD ALI, MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN,
DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, MENTERI BELIA DAN SUKAN, DATUK SERI NAJIB
TUN RAZAK, MENTERI PERUSAHAAN AWAM, DATUK NAPSIAH OMAR.

TIMBALAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN, DATUK
S.SUBRAMANIAM DAN TIMBALAN MENTERI PERUSAHAAN AWAM, HAJI DAUD TAHA
DAN PARA ANGGOTA EXCO KERAJAAN NEGERI ADALAH ANTARA KIRA-KIRA 3,000
ORANG YANG MENGHADIRI MAJLIS ITU. -- BERNAMA

2127MST 03 03 88